



Tuanku Syed Sirajuddin pada majlis pelancaran logo dan maskot SUKMA ke-17 di Stadium Utama, Kangar, Perlis.

[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

# Raja Perlis lancar logo, maskot SUKMA-17

BH/17-6/3/17/ID  
■ Kangar

» Pertunjukan tatu Angkatan Tentera Malaysia, bunga api memikat

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, kelmarin, melancarkan serentak pengenalan logo, lagu, maskot dan laman web Sukan Malaysia Ke-17 (SUKMA-17) di Stadium Utama, di sini.

Pelancaran penuh warna-warni itu turut dimeriahkan dengan pertunjukan tatu Angkatan Tentera Malaysia dan pertunjukan bunga api.

Singa dipilih menjadi maskot SUKMA yang akan berlangsung di Perlis, Jun tahun depan dan binatang yang tidak pernah wujud di Perlis itu juga diletakkan sebagai logo sukan berkenaan.

Sejak berdekad lalu, singa juga digunakan Persatuan Bola Sepak Perlis (PFA) sebagai nama timangan kepada pasukan bola sepaknya dengan timangan 'Singa Utara.'

Lagu 'Seiring Menuju Kecemerlangan' ciptaan pengubah lagu

kelahiran Perlis, Datuk Mokhzani Ismail, yang juga Pengarah Muzik RTM, dipilih sebagai lagu rasmii SUKMA, manakala laman web sukan itu boleh dilawati di [www.sukmaperlis2014.com.my](http://www.sukmaperlis2014.com.my).

## Tingkat kesepakatan

Tuanku Syed Sirajuddin dalam titah ucapan pelancaran, berharap kepemimpinan negeri dan pentadbiran menguatkan kesepakatan dan kerjasama dalam menjayakan penganjuran sukan itu.

"Setiap agensi perlu cerdas dan cergas membuat pemantauan secara berterusan agar tiada kelewatan atau kecacatan projek berlaku," titah baginda.

Baginda bertitah, walaupun merancang penganjuran kelihatan mudah, tanpa kesepakatan, ketekunan dan ketelusan, ia akan menghalang pencapaiannya.

Temasya sukan diharap menghasilkan impak positif bukan saja kepada kemajuan sukan di negeri ini, tetapi membuka peluang kepada rakyat untuk sama-sama mendapat manfaat"

Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Raja Perlis

Baginda berharap temasya sukan itu menghasilkan impak positif bukan saja pada kemajuan sukan di negeri ini, tetapi membuka peluang kepada rakyat untuk sama-sama mendapat manfaatnya.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir, Menteri Besar, Azlan Man; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shafiq Kassim; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Seri Zolkples Embong.

BERNAMA